

Penarafan SETARA: Lapan IPT berjaya capai enam bintang

Oleh Adriana Mroon Ambrose

PUTRAJAYA: Sebanyak lapan Institut Pengajian Tinggi (IPT) mencapai enam bintang dalam Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA) untuk tahun 2018/2019.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, penarafan IPT Malaysia bagi sesi 2018/2019 menunjukkan bahawa IPT telah melaksanakan penambahbaikan secara berterusan dalam menyediakan pendidikan tinggi yang berkualiti dan berimpak tinggi kepada pelajar.

“Lapan universiti mencapai enam bintang dalam SETARA itu adalah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Petronas (UTP), International Medical University (IMU) dan Monash University Malaysia.”

“Ini diikuti 30 IPT yang mendapat penarafan lima bintang, 30 IPT mencapai empat bintang, 15 IPT mencapai tiga bintang, dua IPT dengan penarafan dua bintang dan hanya sebuah IPT sahaja yang mendapat penarafan satu bintang.”

“Bagi penarafan Sistem Penilaian Kualiti dan Kesetaraan Kolej Swasta (MyQUEST) untuk tahun 2018/2019, sebanyak 14 kolej swasta telah berjaya mencapai penarafan enam bintang iaitu Kolej SEGi Subang Jaya, Kolej Sunway (Kuala Lumpur), Institut Teknologi Maklumat Asia Pasifik (APIIT), Kolej SEGi Kota

Damansara, Kolej Poly-Tech MARA Kuantan, Kolej SEGi Pulau Pinang, Kolej Antarabangsa Putra, Kolej Equator, Kolej Despark, Kolej SEGi Sarawak, Kolej IBS, Kolej Integrasi Perkembangan Kemahiran (IPK), Kolej Hafiz dan Institut Antarabangsa Sains Mantin.”

“Ini diikuti oleh 54 kolej yang mendapat penarafan lima bintang, 88 mencapai empat bintang, 40 kolej dengan tiga bintang dan 11 kolej telah diberi penarafan dua bintang.”

“Jumlah keseluruhan IPT yang menyertai penarafan SETARA bagi sesi 2018/2019 adalah sebanyak 86. Manakala 207 kolej swasta pula menyertai penarafan MyQUEST bagi tahun yang sama,” katanya dalam satu kenyataan media.

Noraini berkata, melalui perkembangan penarafan IPT Malaysia bagi sesi 2018/2019 ini juga menunjukkan bahawa sektor pendidikan tinggi negara berada pada landasan yang betul dalam merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dengan memberi penekanan terhadap kualiti akademik, kebertanggungjawaban dan prestasi setiap IPT di Malaysia.

“Terdapat dua instrumen yang digunakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam melaksanakan Penarafan IPT Malaysia tahun 2018/2019 iaitu SETARA dan MyQUEST,” katanya.

Jelas Noraini, penarafan SETARA dinilai melalui 38 indikator yang merangkumi empat fungsi teras utama iaitu umum, pengajaran dan

pembelajaran (PdP), penyelidikan dan perkhidmatan.”

“Manakala, penarafan MyQUEST dinilai melalui 35 indikator yang merangkumi dimensi input, proses dan output yang memberi penekanan kepada lima teras utama iaitu, kualiti dan kepelbagaian pelajar, kelestarian sumber dan kewangan, sistem pengurusan kualiti, pengiktirafan program dan pengiktirafan graduan dan reputasi institusi.”

“SETARA dan MyQUEST menggunakan sistem penarafan bintang daripada skala satu bintang ke enam bintang.”

“Enam bintang menunjukkan sesebuah IPT itu berada pada tahap cemerlang serta mempunyai daya saing di peringkat antarabangsa dan satu bintang menunjukkan IPT tersebut kurang berdaya saing dan tidak memenuhi kriteria minimum,” katanya.

Pada masa sama, KPT akan sentiasa melaksanakan penambahbaikan dan pementapan ke atas SETARA dan MyQUEST selaras dengan perubahan persekitaran dan ekosistem pendidikan tinggi negara.

Penyesuaian tersebut akan mengambil kira pembudayaan norma baharu dalam sistem penyampaian pendidikan, penekanan kepada agenda pendigitalan, Teknologi Pendidikan berasaskan Revolusi Industri 4.0 dan kriteria lain yang relevan. Penarafan seterusnya dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2022.

Keputusan penuh bagi Penarafan IPT Malaysia tahun 2018/2019 boleh dilayari melalui portal <http://jpt.mohe.gov.my/portal/>.